

NOTIS SEBUTHARGA

(TAWARAN TERBUKA)

Sebutharga adalah di pelawa daripada kontraktor-kontraktor dengan pendaftaran masing-masing yang masih sah laku selama 90 hari dari tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berikut:-

Bil	No.Kontrak	Tajuk Sebutharga	Bidang Pendaftaran & Syarat Kelayakan	Tarikh & Masa Lawatan Tapak	Tarikh Tutup (Sebelum Jam 12.00 Tengah Hari)
1.	QUA/FA/077/18(BS)	SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA REKA DAN BINA POS KAWALAN POLIS BANTUAN PBAPP DAN MEMBAIKPULIH POS KAWALAN LAMA DAN PEJABAT LAMA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI EMPANGAN MENGGUANG, SPT, PULAU PINANG.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) – Maklumat Perniagaan / Korporat dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) Gred G1 Kategori B04 yang beralamat pendaftaran di Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang sahaja.	14/08/2018 10.00 pagi, Hadapan pintu masuk utama Empangan Mengkuang.	28/08/2018

Lawatan tapak bagi Sebutharga ini adalah mengikut tarikh yang ditetapkan seperti diatas. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai lesen seperti di atas dan berminat hendaklah berkumpul di tempat tersebut di atas. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Dokumen sebutharga **tidak akan dijual** pada mana-mana kontraktor yang gagal menghadiri sesi lawatan tapak dengan sepenuhnya pada hari tersebut.

Dokumen sebutharga akan mula dijual di Jabatan Perancang dan Pembangunan, L4, ICT, Fasa 1B, Tingkat 4, Kompleks Tun Abdul Razak, Jalan Penang, 10000 Pulau Pinang mulai **14hb Ogos 2018** pada waktu pejabat (**9.00 pagi hingga 4.00 petang**). Harga dokumen sebutharga adalah **RM30.00** senaskah dan bayaran harus dibuat dalam bentuk wang tunai atau Bank Deraf atas nama Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd.

Dokumen sebutharga hanya akan dijual kepada Wakil Kontraktor yang sah. Untuk maksud ini wakil kontraktor hendaklah menghadiri dan membawa **Surat asal Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Surat asal Pendaftaran** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) serta **satu salinan fotostatnya** untuk simpanan pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

Dokumen Sebutharga hendaklah dihantar melalui sampul surat yang dimeteri dan ditandakan dengan tajuk sebutharga di sudut sebelah kiri dan dialamatkan kepada:-

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.
L4, ICT, FASA 1B, TINGKAT 4,
KOMTAR, 10000 PULAU PINANG.**

dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Perancang dan Pembangunan, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. L4, ICT, Fasa 1B, Tingkat 4, Komtar, 10000 Pulau Pinang sebelum 12.00tgh.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF